

400 penuntut UMP jayakan RAKSI

KUANTAN - Seramai 400 penuntut tahun satu Universiti Malaysia Pahang (UMP) terbabit Program Khidmat Komuniti Rakan Siswa (RAKSI) di tiga lokasi di sini, semalam.

Program itu adalah wajib bagi penuntut sesi akademik 2008/2009 selain kerjasama penduduk, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Alam Flora, Jabatan Bekalan Air (JBA) dan sebagainya.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMP, Prof Dr Rosli Mohd Yunos berkata, tujuan program itu ialah mendedahkan penuntut dengan masyarakat, di samping memberi pengalaman dan menyelami masalah komuniti.

Menurutnya, pelaksanaan RAKSI juga mampu menjadi mudah bagi mengukuhkan rasa kekitaan antara mahasiswa dan masyarakat sekali gus memupuk disiplin serta pekerti mulia.

"Program ini sebahagian daripada modul RAKSI yang terkandung dalam semester 1 yang mewajibkan penuntut tahun satu menyertai khidmat

komuniti.

"Tiga lokasi terpilih ialah kawasan tanah perkuburan Islam dan Surau Baru 8, masjid, tanah perkuburan Islam Kampung Pandan Dua serta perkampungan dan masjid serta tanah perkuburan Islam Jaya Gading.

"Penuntut ini melaksanakan kerja berkumpul secara gotong-royong bersama penduduk, selain mampu mewujudkan perhubungan baik antara kedua-dua pihak," katanya ketika ditemui pada program itu.

Hadir sama Penghulu Mukim Kuala Kuantan Dua, Mat Sah Dawi.

Rosli berkata, program komuniti itu juga dapat melatih penuntut berkomunikasi dengan masyarakat agar mereka lebih terdedah dan mendapat gambaran awal keadaan masyarakat setempat.

Katanya, pergaulan secara langsung antara mereka dan penduduk kampung dapat memberi dorongan anak-anak kampung untuk berusaha dalam pelajaran dan seterusnya melanjutkan pengajian ke menara gading.



Sebahagian penduduk dan penuntut UMP membersihkan sistem perparitan di Projek Perumahan Rakyat Termiskin Jaya Gading.

"Tumpuan kepada komunikasi antara penuntut dengan penduduk kampung ditekankan kerana situasi se-

benar yang dihadapi selepas mereka bergelar graduan dan ini usaha UMP untuk kebaikan mereka.

"RAKSI memberi pendidikan dan peluang kepada mereka mendekatkan diri, selain mampu meningkat-

kan imej UMP sebagai institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini," katanya.